

'Biarlah dia nak bercakap'

BAH - 6/8/2008

PENGGALAN HULU: Umno tidak menghalang Tun Dr Mahathir Mohamad berucap di seluruh negara walaupun bekas Presiden itu banyak mengkritik dan mempersendakan parti serta kepemimpinan sedia ada sejak beberapa bulan lalu.

Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Datuk Seri Nazri Aziz, berkata tindakan Dr Mahathir yang masih ahli Umno, mengkritik keras beberapa pemimpin MT termasuk anggota keluarga Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di hadapan pembangkang baru-baru ini, boleh dikenakan tindakan disiplin.

"Biarkan dia bercakap dalam 'road shownya', lambat laun rakyat pun akan faham dan menyedari sendiri situasi sebenar. Biarkan sampai dia letih," katanya selepas merasmikan mesyuarat perwakilan Wanita, Pemuda dan Puteri bahagian Gerik dekat sini, semalam.

Sementara itu, Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, berkata Kekukuhan dalam kepemimpinan Umno perlu dipelihara dan dipertahankan sewajarnya supaya tidak ditumbangkan walaupun wujud kemelut dalam parti.

"Bukan menjadi tradisi Umno memecat atau menyingkir mana-mana ahli yang banyak berjasa kepada parti," katanya.